

Kemesraan Pak Lah pancing pelabur

BH - 5/5/2006

MALAYSIA... Asia sebenar-benarnya." Slogan itu dijadikan tarikan utama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memancing minat tokoh perniagaan Jamaica menjalin kerjasama dengan rakan perdagangan di Malaysia yang boleh memanfaatkan kedua-dua negara.

Dengan menampilkan kemesraan selaku pemimpin dunia ketiga serta senyuman yang tidak lekang daripada bibir, Perdana Menteri 'menjual' Malaysia sebagai negara yang lokasi geografinya di tengah-tengah persimpangan sibuk laluan pedagang, lama sebelum terciptanya kapal canggih dan pengangkutan udara moden.

"Lantaran itu, Malaysia tertonjol sebagai tempat pertemuan rakyat pelbagai warga negara dan budaya, terutama dari seluruh Asia. Maka itulah Malaysia hari ini berbangga

dengan slogan 'Malaysia... Asia sebenar-benarnya'.

"Dibandingkan dengan Jamaica yang dirahmati dengan pantai indah, hutan menghijau dan rakyat yang mesra, Malaysia tidak berbeza.

"Sama seperti Jamaica yang menjadi tumpuan, Malaysia juga tidak harus dilihat berlainan," katanya pada majlis makan tengah hari dengan sekumpulan kira-kira 50 tokoh perniagaan di Hotel Hilton di sini, kelmarin.

Abdullah berkata, bahawa Malaysia turut memilih pelancongan sebagai satu daripada sektor perkhidmatan yang diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan - satu rancangan lima tahun dari 2006-2010 yang dilabel 'Misi Nasional' ke arah mencapai status negara maju pada 2020.

"Sektor swasta kedua-dua negara boleh bekerjasama erat dalam sektor

ini yang merangkumi pembangunan pusat peranginan dan infrastruktur pelancongan.

"Syarikat Malaysia boleh membeli peralatan dan menawarkan rundingan kerana tentunya banyak yang boleh kita belajar daripada satu sama lain, di samping banyak juga yang boleh kita lakukan bersama dalam bidang pelancongan," katanya.

Beliau berkata, sebagai antara 20 negara pedagang terbesar dengan eksport bernilai AS\$141 bilion dan import AS\$115 bilion pada 2005, Malaysia kini menawarkan produk nilai tambah, antaranya barang elektrik dan elektronik, peralatan mesin, bahan dan produk kimia selain perkakasan optikal dan saintifik untuk pasaran global.

"Saya lihat banyak potensi untuk masyarakat perniagaan kedua-dua negara bekerjasama. Dalam bidang pelancongan, misalnya, kedua-dua

negara boleh memanfaatkan kedudukan geografi masing-masing untuk menggalakkan pengaliran pelancong merentas sempadan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kedudukan strategik Malaysia dan Jamaica turut menawarkan cukup sebab untuk kerjasama perdagangan terus dipertingkatkan.

"Kedudukan Jamaica di tengah kepulauan Caribbean, ditambah pula dengan ekonomi negara pulau di sekelilingnya, memberi akses kepada pasaran luas produk dan perkhidmatan di wilayah ini.

"Malaysia pula selaku negara anggota Asean menawarkan akses kepada 500 juta penduduk dengan jumlah keluaran dalam negara kasar bernilai AS\$750 bilion.

"Masyarakat perniagaan Malaysia dan Jamaica harus memanfaatkan kelebihan kedua-dua negara untuk kepentingan bersama," katanya.